

Kenyataan Media Sempena Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Monsun Timur Laut 2021/2022

By : Media Statement

Date : 03/01/2022

KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

MESYUARAT KHAS TASK FORCE PENGURUSAN PASCA BANJIR MONSUN TIMUR LAUT 2021/2022

Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022 dan menerima taklimat status tindakan daripada enam kluster yang telah ditubuhkan bagi mengurus inisiatif Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022.

Mesyuarat ini dihadiri Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah agensi-agensi berkaitan, Timbalan Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat, Pengarah-pengarah Pembangunan Negeri dan ketua-ketua jabatan.

BANTUAN WANG IHSAN (BWI)

i. Bagi mempermudah urusan agihan BWI agar lebih cepat dan efektif, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) telah menubuhkan Command Centre dengan pemantau harian dibuat secara real time bermula 27 Disember 2021. Sehingga 2 Januari, BWI telah selesai diagihkan kepada seramai 28,258 (61.2%) daripada 46,162 Ketua Isi Rumah (KIR). Bantuan telah berjaya diagihkan dalam tempoh 10 hari selepas mangsa terkesan banjir berbanding tiga hingga enam bulan sebelum ini.

ii. Daripada 51 kematian akibat bencana banjir yang direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 2 Januari 2022, seramai 38 waris mangsa telah pun menerima BWI Pengurusan Kematian.

iii. Sebanyak lima negeri iaitu Kelantan, Wilayah Persekutuan, Melaka, Terengganu dan Perak telah mencapai 100 peratus pembayaran BWI kepada KIR yang terkesan. Sementara Pahang mencapai 65.5%, Negeri Sembilan 82.7% dan Selangor 47.6%.

iv. Penyelaras yang dibuat dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) dan Pejabat-pejabat Daerah ini dijangka selesai diagihkan pada 5 Januari 2022. (Ini tidak termasuk bayaran BWI kepada mangsa banjir gelombang kedua).

PEMULIHAN EKONOMI

i. Sehingga 1 Januari 2022, sejumlah RM33 juta daripada RM93 juta permohonan **Pinjaman Mikro BSN untuk isirumah** telah diluluskan sejak dilancarkan pada 27 Disember 2021. Bagi sumbangan **GLC Disaster Recovery Network (GDRN)**, 60% daripada sumbangan berjumlah RM58 juta telah berjaya dilaksanakan.

ii. Berikutan pengumuman Kerajaan mengenai pemberian **Baucer Pembelian Barangan Elektrik**, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KetSA) akan menggunakan mekanisme Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE) dimana penerima boleh mula membuat pembelian di premis terpilih atau secara dalam talian bermula 7 Januari 2022. Pada tarikh yang sama, diskaun dan Baucer Pembaikan Kenderaan juga akan terpakai bagi pembaikan dari 19 Disember 2021.

iii. Permohonan bagi **Pinjaman Bantuan Bencana untuk PMKS (BNM)** telah mula dibuka untuk permohonan pada 27 Disember 2021. Permohonan moratorium sehingga 6 bulan bagi pinjaman sedia ada boleh dibuat bermula 19 Disember 2021.

iv. Bagi **Pinjaman TEKUN untuk PMKS** yang telah diumumkan pada 20 Disember 2021, pelaksanaan telah pun bermula pada 1 Januari 2022 melibatkan dana sebanyak RM30 juta.

v. Bagi inisiatif **Pembersihan dan Pembaikan Infrastruktur Awam** dana berjumlah RM25 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

PEMULIHAN DAN KEBERSIHAN AWAM

i. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaporkan sehingga 2 Januari 2022, kerja-kerja pembersihan bagi lima (5) buah negeri (Selangor 82%, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 100%, Negeri Sembilan 95%, Pahang 77%, Melaka 100% telah selesai 91%). Dianggarkan sebanyak 53,800 tan sisa banjir telah diurus menggunakan 2,730 jentera.

ii. Dana sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan kepada 32 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kerja-kerja Pembaikan infrastruktur, kemudahan awam, sosio ekonomi dan keselamatan.

iii. Kerja-kerja baik pulih dan pembinaan rumah baharu melibatkan 32 PBT menerima peruntukan sebanyak RM50 juta.

PENGURUSAN BANJIR

i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan dilaksanakan sejurus selepas tamat MTL bagi membincangkan pelan jangka pendek dan jangka panjang pengurusan banjir negara.

ii. Bagi meningkatkan tahap perlindungan infrastruktur saluran dan pantai, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mencadangkan peningkatan tahap perlindungan/kala ulangan reka bentuk infrastruktur saluran dan pantai daripada 100 tahun Average Recurrence Interval (ARI) kepada 200 tahun ARI.

iii. Cadangan penambahbaikan Jabatan Meteorologi Malaysia meliputi :

- Sistem Amaran Siren Banjir Berpusat di koordinasi oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Contoh di Sri Muda, siren amaran telah dibunyikan sebagai amaran kepada penduduk.
- Kerajaan juga akan menambahkan lagi jumlah siren yang dilengkapi amaran suara di lokasi-lokasi berisiko untuk mengarahkan penduduk berpindah.
- Kamera Litar Tertutup (CCTV) di stesen pemantauan aras air agar penduduk bersedia untuk berpindah sekiranya air berada pada paras bahaya.
- Ramalan Cuaca Berangka (Numerical Weather Prediction, NWP).
- Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) menerusi aktiviti-aktiviti latihan amal banjir dan maklumat yang dihebah oleh KKMM.

PEMULIHAN INFRASTRUKTUR

i. Menurut Kementerian Kerja Raya (JKR) terdapat 895 lokasi bencana dikesan sepanjang MTL 2021/2022 yang melibatkan lokasi banjir, banjir kilat, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap, dan jambatan runtuh atau rosak. Inisiatif pemuliharaan melibatkan kos sebanyak RM967.2 juta.

ii. Sebanyak 802 lokasi telah selesai aktiviti pembersihan iaitu di negeri Kedah 3 (8), Perak 17 (17), Selangor 134(162) , Negeri Sembilan 45 (62), Melaka 17 (22), Johor 6 (6), Pahang 533 (566), Terengganu 13 (14), Kelantan 34 (38). Pembaikan kekal dijangka dilaksanakan bermula Januari 2022 dan selesai pada Jun 2022.

KOMUNIKASI STRATEGIK

i. Kluster komunikasi strategik yang diterajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia aktif melaksanakan hebahan maklumat sejak bermulanya MTL 2021/2022 dan usaha dipergiatkan sejak jangkakan akan berlaku gelombang kedua bagi memastikan penduduk khususnya dan negara amnya bersedia agar keadaan lebih terkawal.

ii. Strategi komunikasi melibatkan promosi hebahan amaran dan situasi semasa, hebahan bantuan-bantuan kerajaan, mengenalpasti isu berbangkit dan ditangani bersama pelbagai agensi serta usaha-usaha mengesan berita palsu dan segera menyiarkan penafian.

iii. Platform yang digunakan adalah media massa, media sosial, saluran Jabatan Penerangan, turun padang, advokasi, penerbitan dan usaha- usaha libat urus.

Penyelarasan usaha mobilisasi anggota Perkhidmatan Awam membantu kerja- kerja pembersihan dan kemanusiaan telah melibatkan tenaga kerja hampir separuh daripada penjawat awam Persekutuan dan Negeri di seluruh Malaysia.

Bagi mereka yang menerima bantuan Kerajaan menerusi pembayaran Electronic Fund Transfer (EFT) dinasihatkan agar berhati-hati dengan pihak tidak bertanggungjawab yang ingin mengambil keuntungan mudah dengan menjalankan aktiviti scamming.

Pelaksanaan semua inisiatif Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022 akan sentiasa dipantau Task Force bagi memastikan mekanisme kesiapsiagaan dan pengurusan bencana Negara sentiasa diperkemas dan berada pada tahap optimum.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

PERDANA MENTERI

3 JANUARI 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/01/mesyuarat-khas-task-force-pengurusan-pasca-banjir-monsoon-timur-laut-2021-2022/>